

RANCANGAN PERNIAGAAN  
*MR SALES & COLLECTION*

DISEDIAKAN UNTUK

*PULAN ASMAH ZAMUDDIN*  
*PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN*  
*ETR 300*

DISEDIAKAN OLEH :

<i>HASMADI BIN KASIM</i>	93864780
<i>NORFAEEZA B.J. SHAHJA</i>	93793110
<i>HARULMISA HASSAN B.J. OSMAN</i>	93741121
<i>NORZALINA ALIAS</i>	93758493
<i>ROSUFA B.J. HAMID</i>	93865716



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **11hb April 1996**  
Surat Tuan:  
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,


Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Hairulnisa' Hassan osman	93741121
2.	Hasmadi Kassim	93864780
3.	Nor Faeza Shaaya	93793110
4.	Nor Zalina Allias	93758493
5.	Roshita Hamid	93865716

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

  
**NASIR NORDIN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka  
b/p Pengetua

## SURAT PENYERAHAN

Kumpulan Projek NR Sales & Collection  
Diploma Pengajian Perniagaan  
Kajian Perniagaan dan Pengurusan  
Institut Teknologi MARA  
78000 Alor Gajah  
Melaka

---

Puan Asmah Zainuddin  
Pensyarah ETR 300  
Institut Teknologi MARA  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Puan

### PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN NR SALES & COLLECTION

Merujuk kepada perkara di atas, dengan ini kami pelajar Diploma Pengajian Perniagaan ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan bagi projek NR Sales & Collection yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan.

2. Tujuan kami menyediakan Rancangan Perniagaan ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) yang diwajibkan kepada semua pelajar semester lima.
3. Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat terbabit yang akan dilaksanakan oleh satu syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti pengedaran produk Aloe Vera dan perkhidmatan salun kecantikan.
4. Kami juga ingin menyatakan kesanggupan dan kesediaan kami untuk menerima sebarang maklumat tambahan yang diperlukan berkaitan dengan Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan ini.
5. Kami berharap Rancangan Perniagaan ini menepati keperluan yang telah ditetapkan, serta dapat mencapai objektif dan matlamat perusahaan tersebut.

Sekian. Terima Kasih.

## 1.0 PENGENALAN

**NR Sales (M) Sdn. Bhd.**, adalah sebuah syarikat jualan langsung yang mengedar dan menjual barangan penjagaan kesihatan dan kecantikan yang berasaskan *Aloe Vera*. **NR** adalah singkatan nama kepada pengasasnya iaitu *Nasir dan Ramlah*.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kami untuk menceburi bidang perniagaan ini di antaranya ialah :

1) Perniagaan ini mempunyai potensi yang cemerlang untuk berkembang maju dan mampu memberikan keuntungan baik pada masa kini atau hadapan, memandangkan masyarakat semakin mementingkan penjagaan diri, kesihatan dan kecantikan daripada barangan berasaskan tumbuhan semulajadi.

2) NR Sales & Collection adalah satu-satunya syarikat milik penuh bumiputera dan mempunyai misi perniagaan yang produktif berbanding dengan beberapa pesaing-pesaing yang lain dalam perniagaan jualan langsung.

**NR Sales & Collection** sedang berkembang maju dan mempunyai daya saing yang tinggi dalam usaha membuka cawangannya di seluruh Malaysia. Justeru itulah kami mengambil inisiatif untuk membuka sebuah lagi cawangan **NR Sales & Collection** di kawasan *Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus*. Ini memandangkan masih tiada lagi cawangan **NR Sales & Collection** di sana dan kerana perkembangan pesat pusat bandar Seremban itu sendiri. Perniagaan cawangan ini terdiri daripada penjualan barangan secara langsung dan perkhidmatan rawatan penjagaan kesihatan dan kecantikan (*salun*) bertujuan memberi rawatan dan khidmat nasihat kepada pengedar dan pengguna barangan kami.

**NR Sales & Collection** adalah rangkaian barangan kesihatan dan kecantikan yang diperbuat daripada perahan tulin daun lidah buaya (*Aloe Vera*) yang dijamin ketulinan dan kesuciannya oleh **Kementerian**

*Kesihatan Malaysia dan Jabatan Agama Islam Malaysia.* Barangan ini bebas daripada bahan toksin, alkohol dan bahan kimia serta dijamin bersih lagi suci. Rangkaian barangan penjagaan kesihatan dan kecantikan ***NR Sales & Collection*** tidak memberi sebarang komplikasi kepada penggunaanya malahan ia membantu melancarkan pengaliran darah dan seterusnya bertindak mencegah dan menyelesaikan sebarang masalah penyakit.